

# THE TITAN

12 JUN 2022 | BIL: 11  
www.richworks.com

**RICHWORKS™**

Di Sini Lahirnya  
Isahawan Jutawan

*Corat-Coret*  
10X BINA  
BISNES  
BERJAYA  
2022 :  
BANGKIT  
BISNES  
DARI KRISIS

*Industry View*  
SENTUHAN  
MAGIS  
PEREKA  
DALAMAN

# DDW

## DESIGN & BUILD

15 TAHUN BINA EMPAYAR REKA BENTUK DALAMAN



# PERJALANAN IDW

**B**ermula 2007, pasangan ini IDr Lokman Hakim Ahmad Subki dan IDr Rabiatul Adawiyah Rasol ini menubuhkan syarikat pembinaan dan reka bentuk dalaman, IDW Design & Build Sdn Bhd.

Setepatnya mereka mula membina bisnes selepas tamat pengajian dalam Diploma Reka Bentuk Dalaman di Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam.

Ketika itu, masih belum berkahwin namun sepakat untuk berusaha mengubah nasib mereka, sejak mereka masih di zaman belajar, kemudian mendirikan rumah tangga sehinggalah mempunyai zuriat bersama.

Apa yang lebih menarik, mereka bermula dengan tiada pengalaman, tetapi yang mendorong mereka berjaya ialah keberanian dan

keinginan yang kuat untuk memiliki perniagaan dalam bidang hiasan dalaman, yang akhirnya membuatkan mereka berjaya mencipta empayar sendiri!

“Kalau ikutkan, IDW sudah berusia 15 tahun. Ia bermula daripada tahun 2007 seawal usia kami 21 tahun. Ketika itu, kami masih belajar di UiTM Shah Alam dan belum mempunyai degree.”

“Kami menyimpan cita-cita untuk mempunyai perniagaan sendiri kerana kami terinspirasi daripada pensyarah kami. Suami anak bongsu, saya pula merupakan anda sulung dan saya perlu letak benchmark untuk adik-adik saya. Walaupun keluarga saya bukan berdarah peniaga, tapi minat pada rekaan dalaman membuatkan saya terus berada dalam bidang ini,” tambah Rabiatul Adawiyah.



## BERMULA DI KEDAI KOPI KINI ADA WISMA IDW

Hari ini, IDW Design And Build semakin mendapat kepercayaan di kalangan mereka yang mementingkan hiasan dalaman. Jika melihat kejayaan mereka di usia muda, pasti ramai menyangka mereka lahir dari dulang emas.

Namun sangkaan ini salah sama sekali. Pendidikan akademik yang tinggi mungkin menjadi bonus yang memangkin kejayaan mereka sedangkan mereka sebenarnya hanyalah datang dari keluarga yang biasa-biasa sahaja.

Hal itu mendorong Lokman Hakim menjadi seorang yang cekal sejak kecil bagi membantu keluarga.

“Saya anak bongsu dan jarak usia yang jauh di antara saya dan mak ayah menyebabkan saya risau jika saya tak berpeluang nak membahagikan mereka.”

“Ayah saya hanya seorang security guard, mak saya pula menjual nasi lemak. Saya sering terfikir, sempatkah saya membahagikan mereka?”

“Pernah suatu ketika, saya bekerja dengan gaji sekitar RM1000. Saya berikan RM400 kepada mak dan ayah saya dan bakinya saya gunakan dengan penuh berjimat untuk menampung keperluan saya sehingga ke akhir bulan.”

“Pada saya, setiap rezeki yang saya ada, saya akan kongsi dengan mak ayah saya sebagai satu cara yang saya harap dapat membahagikan mereka,” kongsi Lokman Hakim.

Mengenai latar belakang penubuhan syarikat

**“SAYA SUKA MEMBACA BUKU TETAPI HASIL BACAAN TIDAK SAMA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN HASIL BERGURU. KITA PERLU SENTIASA ADA KEINGINAN UNTUK BERUBAH, KERANA BILA KITA SUDAH STUCK DENGAN SUATU MASALAH, KITA AKAN TERUS STUCK DI TEMPAT YANG SAMA.”**



mereka, Lokman dan Rabiatul yang merupakan pemegang Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Dalaman di Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, Selangor telah sepakat menubuhkan IDW Design and Build semasa masih dalam pengajian di universiti.

## PERJALANAN IDW

Katanya, selepas tertubuhnya IDW Design and Build, mereka pada mulanya hanya menerima dan membuat projek-projek yang berskala kecil.

Namun suatu hari, seorang kenalan dari fakulti lain telah menawarkan mereka projek hiasan

dalam bernilai RM1.2 juta yang melibatkan dua buah rumah Semi D, yang turut

dilengkapi dengan kolam renang.

Ketika itu mereka merasakan tawaran projek itu adalah ibarat bulan jatuh ke riba. Apakan tidak, walaupun masih lagi baharu dalam bidang hiasan dalaman, tetapi nampaknya rezeki dari Allah SWT sudah bertandang kepada mereka.

Dengan berani dan keyakinan yang tinggi, mereka bersetuju mengambil projek itu, walaupun sedar ketika itu pengalaman mereka masih tidak seluas syarikat-syarikat lain yang telah lama bertapak dalam bidang berkenaan.

“Sebelum tu kami hanya buat projek kecil-



kecilan, tapi tak sangka kami dapat projek untuk rumah besar yang bernilai RM1.2 juta. Waktu itu, kami rasa bersyukur sangat walaupun kami masih tak ada knowledge yang banyak. Berbekalkan keberanian dan keyakinan, kami setuju untuk melaksanakan projek tersebut.”

Lokman Hakim pula berkata, sejak menubuhkan perniagaan, pelbagai suka-duka dan pahit manis pengalaman mereka lalui.

“Bayangkan saja, masa kami di awal perniagaan, kami tiada modal yang besar dan tiada pejabat. Kami berdua juga belum berkahwin dan terpaksa duduk di kedai mamak untuk berbincang mengenai projek yang ingin dijalankan.”

“Pernah pemilik kedai menyuruh kami untuk membawa bantal dan selimut dengan nada

memerli kerana duduk di kedai terlalu lama,” ujarnya.

Selain itu, akibat kurang pengalaman, mereka juga menghadapi pelbagai masalah dengan kontraktor yang dilantik.

Antaranya mereka pernah ditipu dari segi bahan binaan seperti simen dan pasir dan lebih teruk, pengurus projek yang diupah juga sanggup bersekongkol dengan kontraktor yang menipu mereka.

Namun bagi Lokman Hakim dan Rabiatul Adawiyah, sebagai konsultan rekaan hiasan dalaman, itu adalah satu pengalaman yang berharga untuk mereka terus maju dalam perniagaan.

Apa jua masalah yang datang, mereka akan hadapinya dengan sabar dan tenang, dan setiap projek yang diamanahkan oleh pelanggan, akan tetap mereka laksanakan dengan sebaiknya.

“Saya pernah jual nasi lemak dengan cara ketuk pintu rumah orang. Jadi bila saya rasa susah macam mana sekali pun dalam bisnes kami, saya akan ingat bahawa ia takkan sesusah menjual nasi lemak dari rumah ke rumah.”

“Kalau masa jual nasi lemak tu, beratus buah rumah saya ketuk, tapi hasilnya tak seberapa,” katanya.

Dalam pada itu, beliau juga berkongsi saat-saat getir dalam perniagaan hiasan dalaman mereka.

“Mula dapat projek memang seronok macam anak kecil dapat permainan. Tetapi, bila tiada projek kami tiada duit nak bayar sewa kedai. Kami pernah diugut kontraktor yang meminta bayaran sehingga pintu rumah orang tua kami di ketuk dan kami pernah juga di tahan di traffic light,” katanya lagi.

Ketika tidak ada projek diterima, beliau dan isterinya turut pernah melakukan bermacam kerja sampingan semata-mata untuk mencari pendapatan.

## PERTEMUAN DENGAN RICHWORKS

Lokman Hakim berkata, titik awal pertemuan mereka bersama RichWorks bermula pada tahun 2014.

“Masa tu, kami tak ada projek langsung. Duit simpanan pula sudah habis buat kenduri kahwin. Paling mencabar ketika itu, kami terpaksa berulang-alik dari hospital ke rumah kerana anak kami sakit.”

“Satu pagi tu, saya menonton rancangan Nasi Lemak Kopi O dan dalam rancangan tu, tetamunya ialah Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Beliau berkata dalam rancangan tu, jaga hubungan dengan Allah, ibu bapa dan orang sekeliling.”

“Walaupun dah banyak kali hadir seminar niaga, tapi pesanan itu selalu bermain di fikiran saya dan membuatkan saya mula mencari maklumat tentang Dr. Azizan. Tapi masa tu saya tak terfikir untuk sertai program-programnya lagi,” katanya.

Akhirnya pada 2016, mereka mula memutuskan untuk mengikuti bengkel-bengkel perniagaan dan keusahawanan yang dianjurkan oleh RichWorks.

Bermula dari situ, mereka mendapat gambaran jelas tentang hala tuju dan bagaimana hendak membina semula perniagaan yang diceburi selama ini.

“Saya suka membaca buku tetapi hasil bacaan tidak sama jika dibandingkan dengan hasil berguru. Kita perlu sentiasa ada keinginan untuk berubah, kerana bila kita sudah stuck dengan suatu masalah, kita akan terus stuck di tempat yang sama.”

“Dulu, setiap kali kami buntu kami akan mencari buku. Namun sekarang semasa belajar dengan RichWorks, semua bimbingan yang selama ini saya cari menerusi bahan bacaan, boleh diperolehi dengan lebih mudah dan berkesan,” kata beliau lagi.

Pada 2021, IDW Design and Build berjaya mencapai hasil jualan sebanyak RM18.2 juta.

Bagi tahun ini, IDW mengunjurkan perolehan mencecah kepada RM30 juta bersandarkan



kepada jumlah projek yang diterima ketika ini, susulan pembukaan semula ekonomi negara sejak beberapa bulan lalu.

“Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa, banyak projek pelanggan kami tidak dapat dilaksanakan, namun bersyukur kerana kebanyakan pelanggan tidak pernah meminta kami memulangkan wang tempahan yang telah dibayar.

“Pelanggan memahami situasi tersebut kerana bukan kami yang melengah-lengahkan tempahan mereka, tetapi keadaan ketika itu menyebabkan kami tidak dapat memulakan kerja,” katanya ketika sidang akhbar selepas majlis perasmian Wisma IDW di Setia Alam di sini baru-baru ini.

Wisma IDW yang bernilai kira-kira RM5 juta itu telah dirasmikan oleh Mentor Usahawan dan Pengasas RichWorks, Datuk Wira Dr Azizan Osman.

Wisma itu telah dibeli pada tahun 2020 bagi menampung keperluan pekerja dengan menawarkan suasana pejabat yang lebih kondusif dan tempahan projek yang semakin bertambah.

Selain membina jenama di pasaran yang berpotensi, ia juga dapat memberi ruang kepada pelanggan untuk melihat seni reka dalam kediaman atau pejabat serta membolehkan pelanggan mendapatkan konsultasi daripada kumpulan pemasarannya

Lokman Hakim memberitahu, hampir 90 peratus daripada tempahan yang diterima adalah daripada pelanggan individu untuk pelbagai jenis projek rekaan kediaman, pejabat dan resort.

## PERANCANGAN MASA DEPAN IDW

Bagi perancangan masa depan, Lokman Hakim menyatakan bahawa pihaknya bercadang untuk membina sebuah kilang untuk melengkapkan serta memudahkan pengoperasian dengan menawarkan perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan.

Buat masa ini, syarikat sedang mengenal pasti beberapa lokasi bersesuaian untuk projek kilang tersebut.

“Jika tidak bina kilang, mungkin kita akan beli saham syarikat yang telah lama menjalankan perniagaan tersebut,” ujarnya.





## **PESAN PENGASAS** IDW Design & Build

**BAGI** anda yang ingin berjaya dalam bisnes, tidak jalan mudah untuk mencapainya. Jika mudah, pasti kebanyakan mereka di luar sana sudah menjadi usahawan namun ia tidak berlaku.

Ramai orang berbisnes dan ramai juga yang kecundang disebabkan pelbagai faktor berkaitan. Namun ada saja usahawan yang berjaya disebabkan keinginan dan tindakan mereka sendiri ditambah ilmu, strategi dan bimbingan mentor yang terbukti dah lahirkan ramai usahawan berjaya.

**PERTAMA**, pentingnya untuk usahawan itu berguru atau bermentor. Mentor dapat tegur anda dan tunjukkan jalan yang betul untuk mencapai sasaran tertentu.

Berbeza ya, bila kita dapatkan ilmu keusahawanan hanya berdasarkan bacaan buku.

**KEDUA**, jaga hubungan anda. Hubungan kita

dengan Allah SWT, hubungan kita dengan ibu bapa dan orang sekeliling.

“Saya sentiasa pegang satu pesanan. Sebagai orang Islam, jagalah hubungan kita dengan tiga perkara, iaitu dengan Allah SWT, ibu bapa dan orang sekeliling.

“Lagi ‘kuat kabel’ kita ini, lagi banyak rezeki Allah bagi dalam bentuk tak disangka-sangka,” jelas Lokman Hakim.

Bila kita menjaga hubungan ini, insyaAllah segala usaha akan dipermudahkan dan mendapatkan keberkatan Allah SWT.

**KETIGA**, belajar memaafkan orang lain. Mungkin nak cakap mudah, tapi ia sukar namun boleh mula diterapkan kita semua. Bila kita memaafkan orang lain, hati lebih tenang lagi.

“Saya juga banyak belajar supaya memaafkan. Jangan menghukum walaupun teraniaya. Sebenarnya lagi cepat kita maafkan orang, lagi cepat Allah akan tolong kita,” ujar Lokman Hakim.

Sementara itu, Rabiatul Adawiyah memberitahu, sebagai pasangan, Lokman merupakan seorang bapa dan suami yang sangat penyayang.

“Bagi saya, dia di pejabat adalah ketua, di luar sebagai kawan. Sebenarnya ada banyak ciri-ciri kepimpinan dalam diri Lokman.

“Tapi sebagai isteri, saya yakin rahsia kejayaan kami terletak pada diri dia sendiri yang sangat taat pada ibu bapa. Keberkatan dan keuntungan daripada sifat taat itu terlihat apabila banyak rancangan kami menjadi. Selain itu, dia juga seorang yang sangat persistent. Apa yang dia nak, dia akan dapatkan,” jelasnya. 📌

CORAT-CORET

# 10X BINA BISNES BERJAYA 2022

BANGKIT BISNES DARI KRISIS



**T**ANGGAL 4 Jun 2022, pada hari Sabtu seawal 6.30 pagi bangsa usahawan mula memenuhi persekitaran Setia City Convention Centre (SCCC).

Jika anda sampai 6.30 pagi, staf dan kru RichWorks sudah bersedia lebih awal untuk pastikan segala perancangan dan kemudahan disediakan sudah ready untuk para peserta.

Alhamdulillah program yang berjalan selama 2 hari itu, yang boleh dikatakan COME BACK selepas PKP berjalan dengan lancar dan berjaya.

Kehadiran lebih 6 ribu bangsa usahawan yang datangnya dari Utara, Selatan, Timur & Barat tanah air bahkan ada dari negara jiran, Singapura, Brunei dan Indonesia membawa seribu satu hasrat dan impian masing-masing.





Nampak keterujaan mereka, untuk merasai sendiri come back program secara LIVE berbanding online bila ada datang awal pagi bahkan beratur panjang di pintu masuk dewan.

Ada datang ke sini untuk dapatkan ilmu, panduan dan *winning strategy* daripada Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman secara langsung, ada yang nak cuba lihat betul ke RichWorks bantu atau bimbing usahawan, ada yang nak *recharge energy* bila berada dalam kelompok bangsa usahawan yang komited & positif, ada yang nak cari peluang networking, ada yang cuba beri peluang kepada diri untuk upgrade bisnes, nak persiapkan bisnes berdepan cabaran dan krisis ekonomi masa ini.

Apa-apapun hasrat para peserta, RichWorks sememangnya bersedia memberikan pengalaman



dan perjalanan program yang terbaik untuk pastikan bangsa usahawan yang turut serta akan mendapatkan manfaat iaitu panduan, ilmu serta strategi dapat bantu bisnes mereka.

Moga segala ilmu, panduan, strategi yang dikongsikan Datuk Wira Dr Azizan Osman dan RichWorks digunakan dengan sebaik-baiknya.

Lakukan tindakan segera, jangan bertangguh.

Seperti mana pernah dikatakan Mentor, tidak guna ada guru berkepak dari langit pun jika ilmu yang diberikan tidak disusuli dengan tindakan anda.

Selamat maju jaya, berjumpa kita lagi pada program 10x Bina Bisnes Berjaya di masa akan datang.

Kami doakan anda kaya & berjaya, insyaAllah. 🍀



# Tahniah & Terima Kasih

HADIR

**10X** **BINA**  
**BISNES** 2022  
**BERJAYA**  
BANGKIT BISNES DARI KRISIS





# NAKURUS BISNES

25-26 Jun 2022  
PLATFORM **zoom**

**BONUS**  
Sesi Bootcamp 6X



**NASRUL HADI**  
FCMA, CGMA, C.A.(M)

## IS BACK!

### APA YANG AKAN DIPELAJARI

- Kaedah Bina Displin Urus Duit
- Urus Duit Bisnes Dengan Betul
- Cara Elak Bisnes Terus Rugi
- Formula Urus Gaji Untuk Pemilik Bisnes dan Staff
- Langkah Kurangkan Rasa Takut Urus Cukai

**DAFTAR SEKARANG!**  
[www.nakurusbisnes.com](http://www.nakurusbisnes.com)

# SENTUHAN MAGIS PEREKA DALAMAN

Kediaman Hambar  
Jadi Mahligai

## HIASAN DALAMAN

**SIAPA** saja yang tak suka cantik dan kemas. Kalau boleh nak dekorasi rumah seperti yang ada dalam majalah IMPIANA.

Nak rumah dideko semula seperti program realiti TV Deco Bersama Eric dan Nuansa Raya (Deko) dalam mengubah kediaman hambar menjadi mahligai.

Ada yang nak hiasan tema Scandinavian, moden kontemporari, minimalis, tradisional dan macam-macam cita rasa ikut selera masing-masing.

Semua orang inginkan rumah dengan rupa bentuk dan hiasan idaman tersendiri yang pastinya akan menceriakan suasana, serta menawarkan pengalaman tersendiri.

Reka bentuk hiasan dalaman bukan sekadar menjadikan sebuah bilik kelihatan lebih bergaya dan menawan, namun ia juga menonjolkan potensi sebenar ruang, dan meningkatkan pengalaman hidup pemiliknya.

Tak semua orang ada sentuhan seni dan kreatif. Sehubungan itu, kepakaran pereka dalaman diperlukan untuk membuat magis di kediaman anda.

## APAKAH REKA BENTUK DALAMAN?

Reka bentuk dalaman adalah seni yang memfokuskan pada penggunaan ruang, seni bina, dan reka bentuk yang sesuai untuk menjadikan persekitaran binaan lebih menarik, selesa, dan akhirnya lebih berguna bagi manusia! Senibina dan

## BIDANG HIASAN DALAMAN SEMAKIN MENDAPAT PERMINTAAN TINGGI DAN IA MENJADI ELEMEN PENTING KERANA SENTUHAN MAGIS PEREKA MAMPU MEMBERI ELEMEN EKSKLUSIF KEPADA TATARIASNYA.

reka bentuk kreatif bergabung untuk membentuk asas dalaman reka bentuk. Ambil contoh rumah. Ia mestilah direka bentuk dengan baik, selesa dan mesti memenuhi keperluan asas manusia yang tinggal di dalamnya.

Seni ini bukan sahaja tertumpu kepada reka bentuk dan seni bina bilik serta persekitaran binaan. Tetapi ia juga merangkumi topik seperti reka bentuk perabot, reka bentuk produk, teknik pewarnaan.

Selain itu, apa sahaja yang menambah gaya dan kebolehgunaan persekitaran yang dibina.

### PERANAN PEREKA DALAMAN

Peranan seorang pereka dalaman adalah merancang, mereka bentuk dalaman seperti di dalam bangunan kediaman, komersial atau perindustrian.

Tujuannya adalah merumuskan reka bentuk yang praktikal, estetik dan kondusif.

Pereka dalaman perlu mendengar dengan teliti dan faham konsep yang diminta oleh pelanggan. Walau ada boleh memberi cadangan kepada mereka.

Namun, amat penting pereka dalaman dapat memenuhi citarasa pelanggan. Tak rugi, jika sahabat pelanggan anda datang ke rumah mereka dan kagum dengan rekaan dalaman rumah tersebut, pasti tuan rumah akan beri pemasaran 'percuma' terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Pereka dalaman memerlukan idea dan logik. Anda lebih tahu bagaimana mahu mengubahsuai dalam kawasan itu. Anda haruslah berfikir secara kreatif dan logik dalam mereka bentuk rekaan sesuatu itu.

Idea juga perlu baru dan original. Apabila mahu membuat sesuatu rekaan dalaman itu, anda haruslah berfikir menggunakan akal fikiran sendiri tanpa menggunakan mana-mana reka bentuk dalaman hak milik orang lain.

Selain itu, menjadi seorang pereka dalaman juga memerlukan serba sedikit pengetahuan seperti reka bentuk dalaman, seni bina, teknologi reka bentuk, melukis, seni dan kraf.

### POTENSI PERNIAGAAN

Bidang hiasan dalaman semakin mendapat permintaan tinggi dan ia menjadi elemen penting kerana sentuhan magis pereka mampu memberi elemen eksklusif kepada tatariasnya.

Industri hiasan dalaman mempunyai potensi cerah dan mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.



Hiasan dalaman mempunyai skop yang besar yang boleh diterokai. Ia memberikan inspirasi kepada pemilik kediaman dengan pelbagai tema menarik dan penyelesaian baharu dalam menjelmakan rumah idaman pelanggan.

Malahan hiasan dalaman juga elemen penting di ruang hotel, resort, istana, pejabat dan sebagainya.

Setiap elemen dalam hiasan dalaman langsir, kertas dinding, bunga hiasan, lampu, perabot mempunyai kaitan di antara satu sama lain.

Permainan warna dan rekaan fabrik memainkan peranan penting untuk menambah seri.

Secara tidak langsung, ia menjadi nadi penggerak ekonomi kerana wujudnya pelbagai peluang pekerjaan dan permintaan tinggi terhadap perkakasan yang digunakan.

Apa yang penting dalam menjalankan perniagaan ini, anda perlu mempunyai minat, ilmu dan kemahiran serta pengalaman.

## **HIASAN DALAMAN DAN RANGKAIAN PERNIAGAAN**

Gabungan idea dan kreativiti adalah bonus untuk memenuhi kehendak pelanggan yang perlu lahir dalam diri sendiri.

Melihat dari sisi lain, hiasan dalaman berkait rapat dengan beberapa rangkaian perniagaan antaranya pembekal material kecil dan besar, perabot, bunga, fabrik, lampu dan sebagainya untuk menjadi penghias dekorasi sebuah rumah.

Kesemua pembekal ini pula berkait dengan usahawan-usahawan yang terlibat dalam bidang jahitan dan pertukangan. Hiasan dalaman membantu menjana pendapatan dan peluang pekerjaan serta melahirkan ahli perniagaan.

## **KESILAPAN MENGHIAS RUMAH**

Kebanyakan pemilik mahu hias rumah tetapi tidak mengikut konsep. Contoh, ruang tamu mahu warna ini, tiba-tiba dekat dapur warna ini, di bilik warna ini. Apabila masuk kediaman akan jadi seperti tadika yang warna-warni.

Kedua, terlalu ambition dalam pemilihan lampu. Iaitu lampu jenis decorative lighting. Pemilik rumah selalu ada masalah ini. Apabila mengatakan chandelier. Pemilik sudah terfikirkan yang ada batu-batu Swarovski dan yang mahal-mahal. Tetapi tidak kena konsep.

Perkara ini perlu kembali kepada konsep perabot, langsir dan color scheme. Perabot kalau tidak ikut konsep, habis. Takut jadi rojak!

## **TIPS DEKORASI**

Pertama, kenal pasti warna idaman. Set di kepala kita mahu warna biru, daripada biru kita olah lagi, dan biru ini dipadankan dengan warna lain.

Contoh, konsep blue and white. Daripada situ, diolah sampai sesuai dengan konsep idaman berdasarkan warna tersebut.


Contoh lain, konsep English. Kita mahu terapkan konsep English dalam rumah. Maknanya daripada A-Z, konsep English.

Jadi, kita kena betul-betul faham apa itu konsep English, apakah elemen-elemen English style? Kaji dahulu. Banyak rujukan seperti majalah, laman sesawang dan media sosial dekorasi yang boleh dirujuk.

Jangan lupa juga bajet yang sesuai dengan tahap kewangan anda. 📌



RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM



# BUSINESS METAMORPHOSIS BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan  
RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih  
350 Usahawan Jutaan Pada Tahun 2020-2021.**


Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

**5-7 OGOS 2022**

**DAFTAR SEKARANG!**

[richworks.com/bmb](https://richworks.com/bmb)

# Eksklusif & Terhad!



## **SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL**

Panduan & strategi yang **PROVEN** diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu **BANGKIT** semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.


**REAL PEOPLE, REAL BUSINESS, REAL RESULTS!**

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan **HADIAH** dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **1,500** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~  
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~  
**KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran**





E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™

THE  
TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.